

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 SEPTEMBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/09/999495/kenaikan-opr-tiada-kaitan-dengan-pasukan-khas-jihad-tangani-inflasi>

'Kenaikan OPR tiada kaitan dengan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi'



Annuar (tengah) mengadakan sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi hari ini.

PUTRAJAYA: Tindakan menuduh Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi gagal melaksanakan tugasnya susulan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang diumumkan Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini, tidak wajar dilakukan, kata Pengerusinya Tan Sri Annuar Musa.

Beliau yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia berkata, hal berkaitan polisi monetari negara bukan diputuskan pasukan khas itu atau Kabinet, sebaliknya ditentukan Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) di bawah BNM, yang mempunyai rekod cemerlang dalam pengurusan ekonomi negara.

"Tidak wajar seorang Ahli Parlimen kata OPR dinaikkan 25 mata, oleh sebab itu jawatankuasa gagal. Cara penilaian terhadap pengurusan ekonomi negara itu terlalu

dangkal," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat pasukan khas itu di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid dan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Azman Mohd Yusof.

Beliau berkata demikian ketika mengulas gesaan Pengerusi DAP, Lim Guan Eng supaya pasukan khas itu dibubarkan.

Guan Eng pada Jumaat lalu menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob membubarkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dan menyifatkan mereka tidak berkesan, cekap dan relevan, untuk membendung kenaikan harga.

Memetik kenyataan BNM bahawa kenaikan OPR disebabkan tekanan inflasi, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, perkara itu pada dasarnya menafikan dakwaan Annuar bahawa inflasi dalam keadaan terkawal.

BNM pada 8 September lalu menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.50 peratus, kenaikan kali ketiga berturut-turut dibuat bank pusat itu.

Annuar berkata, negara tertentu sudah mengambil langkah drastik dengan menaikkan kadar OPR sebanyak 75 mata asas kerana mengalami tekanan inflasi tinggi tetapi di Malaysia, proses memulihkan OPR ke tahap stabil dibuat secara beransur-ansur dengan 25 mata asas.

"Tidak perlulah berasa sangsi atas tindakan dilakukan MPC, kerana mereka melihat kepada keseluruhan senario untuk memastikan negara mempunyai dasar monetari yang baik," katanya.

Annuar berkata, komitmen Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi akan diteruskan, untuk menangani inflasi walaupun bukan satu isu mudah.

Beliau berkata, pasukan khas berkenaan bukan diwujudkan secara ad hoc kerana ia adalah jawatankuasa berasaskan kertas Jemaah Menteri yang disediakan Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri.

"Tidak boleh menunding jari, tolak bola sana sini. Kabinet ambil pendekatan secara terus dan juga menguruskan satu persatu setiap permasalahan rakyat yang tidak boleh dibiarkan begitu saja," katanya menambah perlu ada kerjasama antara semua pihak dan tidak bekerja secara silo.

Mengulas keresahan kejatuhan nilai ringgit, Annuar berkata, secara menyeluruh, nilai ringgit mengukuh berbanding mata wang negara dagangan tertentu, contohnya berbanding Yen Jepun mengukuh 15.5 peratus dan berbanding pound Britain mengukuh 8.2 peratus, mengukuh berbanding won Korea 7.3 peratus dan Euro 4.4 peratus.

"Bagi yang benar-benar melihat keseluruhan nilai mata wang, prestasi kita baik dari segi itu, tetapi berbanding dolar Amerika ada perkara fundamental yang diteliti BNM

sepanjang masa dan membuat penyelarasan tertentu termasuk mengawal selia kenaikan OPR," katanya. -- BERNAMA